

29 SEP 2003

Siti Hasmah-Penghargaan

SITI HASMAH RAKAM PENGHARGAAN KEPADA RAKYAT BERI SOKONGAN

PUTRAJAYA, 29 Sept (Bernama) -- Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali hari ini merakamkan penghargaan beliau kepada rakyat kerana memberi sokongan padu kepada suaminya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sepanjang hampir 22 tahun memegang jawatan Perdana Menteri.

"Saya berterima kasih kepada rakyat kerana telah memberi sokongan kepada Perdana Menteri selama ini untuk pembangunan negara," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program "Mahathir" terbitan TV3 di sini hari ini.

Program dokumentari enam siri berdasarkan fakta, dokumen sejarah dan wawancara itu adalah sebagai penghargaan kepada Perdana Menteri yang akan bersara pada 31 Okt ini.

Siri pertama disiarkan malam tadi dan seterusnya setiap Ahad selama enam minggu.

Program itu mengimbas kembali perjalanan hidup serta pengalaman suka duka Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri yang ke-4 Malaysia.

Dr Siti Hasmah berkata sebagai isteri, beliau sentiasa menyokong apa jua rancangan yang dilakukan oleh suaminya itu sepanjang menjadi Perdana Menteri.

Dr Mahathir tidak hadir pada majlis itu.

Bagaimanapun anak-anak beliau -- Datuk Mukhriz, Datuk Mokhzani serta Mirzan

-- datang bersama keluarga masing-masing.

Turut hadir ialah Pengerusi TV3 Datuk Seri Syed Anwar Jamalullail dan Penasihat Khas Ekonomi kepada Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yacop.

-- BERNAMA

NJ RON